



Anwar mesti juarai proses baru tentang Myanmar

Pada 19 Mei lalu, saya (selaku mantan Menteri Luar Negeri) beserta tiga mantan pakar PBB tentang Myanmar iaitu Marzuki Darusman, Yanghee Lee dan Chris Sidoti telah mengeluarkan kenyataan bertajuk, 'PM Anwar mesti menjuarai proses ASEAN yang baru tentang Myanmar'.

Kami mengalu-alukan pertemuan Anwar dengan Perdana Menteri Kerajaan Perpaduan (NUG), Mahn Khaing Thann pada 18 April. Pertemuan Pengerusi ASEAN dengan pemimpin Myanmar yang sah itu membuka saluran segera pengedaran bantuan kemanusiaan akibat gempa bumi pada 28 Mac. Pertemuan lanjut hendaklah diadakan menjelang Sidang Kemuncak ASEAN pada 26-27 Mei.

Anwar juga bertemu ketua junta, yang dituduh sebagai penjenayah perang, untuk melanjutkan gencatan senjata junta yang tidak wujud. Anwar dijanjikan 'gencatan senjata' akan dilanjutkan. Tetapi, penipuan ketua junta itu segera terdedah. Kerana sejak gempa bumi itu, serangan-serangan udara junta tetap berterusan.

Taktik dan kelakuan junta tidak akan berubah. Sejak rampasan kuasa pada awal 2021, junta telah menyebabkan 3.5 juta orang menjadi pelarian, berjuta-juta

menjadi miskin, beribu-ribu dibunuh dan dcederakan, serta menghalang dan menggunakan bantuan kemanusiaan sebagai senjata.

Dengan bertemu ketua junta, Anwar telah memaksa ASEAN *reset* tentang Myanmar. Konsensus Lima Perkara (5PC) perlu dianggap telah mati. Anwar mesti menjuarai proses ASEAN yang baru untuk diputuskan di Sidang Kemuncak ASEAN ini. Ia boleh berupa 5PC Baru yang berdasarkan *priority-priority* dan prinsip-prinsip berikut:

1 ASEAN menganjurkan perundingan-perundingan inklusif antara NUG, Organisasi-organisasi Revolusi Etnik (ERO) dan kumpulan-kumpulan bersenjata lain, termasuk junta, untuk segera menghentikan semua serangan, terutamanya serangan udara dan mengadakan gencatan senjata seluruh negara yang dikuatkuasakan ASEAN dan PBB serta dipantau pemerhati antarabangsa.

2 ASEAN mengkoordinasi pemegang-pemegang taruh penting, termasuk NUG, ERO, wakil kumpulan-kumpulan minoriti, masyarakat sivil, junta, negara-

"Dengan bertemu ketua junta, Anwar telah memaksa ASEAN reset tentang Myanmar."

negara jiran dan agensi-agensi PBB, untuk memastikan bantuan kemanusiaan dan material disampaikan dengan segera, tidak berat sebelah dan tanpa halangan melalui semua saluran kepada semua komuniti memerlukannya, memastikan bantuan tidak dijadikan senjata dan mendapatkan tambahan dana untuk pemulihan dan pembangunan semula.

3 ASEAN mendokong semua pemegang taruh menggubal prosedur mengadakan pilihan raya kebangsaan tulen dan dipercayai, dengan pemerhati-pemerhati antarabangsa sebaik sahaja perjanjian keamanan sah dan inklusif dimeterai dan semua pergaduhan dihentikan.

4 ASEAN dokong semua pemegang taruh dalam perundingan-perundingan tentang perlembagaan persekutuan baru selaras kehendak dan kepentingan rakyat dan semua komuniti, termasuk golongan minoriti. Sebagai syarat teras, tentera mesti secara kekal duduk di bawah kerajaan dan parlimen orang awam yang dipilih secara demokratik.

5 ASEAN mendokong akauntabiliti tentang jenayah antarabangsa yang dilakukan semua pihak ke atas konflik ini dan bekerjasama dengan mahkamah dan tribunal kebangsaan dan antarabangsa serta mekanisme akauntabiliti termasuk mahkamah yang melaksanakan bidang kuasa universal untuk mendapatkan keadilan. Tidak boleh ada pengampunan bagi jenayah-jenayah antarabangsa serta pencabulan-pencabulan dan penderaan-penderaan kejam.

Anwar berpeluang meraih kejayaan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dan menyelamatkan kredibiliti ASEAN.

**Datuk Seri Saifuddin Abdullah ialah Ahli Parlimen Indera Mahkota dan mantan Menteri Luar Negeri*